Lindungi kakitangan anda dengan memberikan mereka pelan penghospitalan yang menyeluruh. Pilih daripada pilihan manfaat yang luas untuk memberikan pelan yang paling bersesuaian dengan kakitangan anda. Anda juga mempunyai pilihan untuk menyediakan perlindungan penghospitalan kepada tanggungan kakitangan anda.

Bilik & Penginapan	Pilih daripada RM80 sehingga RM600
Had Keseluruhan	Pilih daripada RM20,000 sehingga RM400,000
Kelas Perlindungan	Setiap Ahli / Setiap Keluarga ¹
Jenis Tuntutan	Tanpa Tunai / Pembayaran Balik / Hospital Kerajaan (GH) sahaja
Pilihan Penjimatan Kos	- Deduktibel RM0 / RM300 / RM500 / RM1,000 bagi setiap hilang upaya - Ko-Takaful 10% / 20% bagi setiap hilang upaya

Manfaat Perubatan Opsyenal

RAWATAN PESAKIT LUAR

Berikan kemudahan mendapatkan rawatan pesakit luar daripada Pengamal Perubatan Am (GP) dan Doktor Pakar (SP) kepada kakitangan anda dan tanggungan mereka. Berserta dengan pelan penghospitalan, kakitangan anda akan menikmati perlindungan penjagaan kesihatan yang menyeluruh.

Pengamal Perubatan Am (GP)	
Had Keseluruhan	Pilih daripada RM1,500 sehingga RM5,000 atau tanpa had
Jenis Pelan	Klinik Panel / Klinik Panel & Bukan Panel
Pilihan Penjimatan Kos	Deduktibel RM0 / RM5 / RM10 / RM30 / RM50 bagi setiap kunjungan

Rawatan Doktor Pakar (SP)	
Had Keseluruhan	Pilih daripada RM1,000 sehingga RM5,000 atau tanpa had
Jenis Tuntutan	Tanpa Tunai ² /Pembayaran Balik/Rujukan/Kunjungan Terus ² /Pakar Pediatrik Terus ²
Pilihan Penjimatan Kos	Deduktibel RM0 / RM15 / RM30 / RM50 / RM100 bagi setiap kunjungan

Had Rawatan Pesakit Luar	
Had Berasingan / Had GP & SP Gabungan	

RAWATAN PERGIGIAN³

Berikan kemudahan mendapatkan perkhidmatan dan rawatan pergigian kepada kakitangan anda.

Perkhidmatan dan Rawatan Pergigian	
Had Keseluruhan	Pilih daripada RM200 sehingga RM500
Jenis Tuntutan	Pembayaran Balik sahaja

¹Had setiap keluarga tidak terpakai untuk manfaat perubatan pesakit luar.
²Tanpa Tunai, Kunjungan Terus dan Pakar Pediatrik Terus adalah tertakluk kepada had minimum sebanyak RM2,000.
³Manfaat rawatan pergigian hanya terpakai untuk kakitangan sahaja dan hanya ditawarkan kepada syarikat dengan minimum tenaga kerja seramai 25 orang. Keperluan kemasukan minimum adalah seramai 25 orang kakitangan dan penyertaan adalah wajib pada aras pelan.

GROUP MEDCARE

Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM)* merupakan suatu manfaat nilai tambahan yang menyediakan:

- Akses kepada pakar perubatan terkemuka di dunia.
- Sokongan perubatan daripada diagnosis sehingga pemulihan.

* Manfaat ini hanya terpakai kepada Takaful Rawatan Penghospitalan dan Pembedahan Kumpulan sahaja.

Manfaat Takaful Bertempoh Kumpulan Asas

MANFAAT KEMATIAN

Manfaat kematian memberikan jaminan kewangan kepada kakitangan anda sekiranya berlaku kematian yang di luar jangkaan.

HILANG UPAYA MENYELURUH DAN KEKAL

Sekiranya seseorang kakitangan itu, sebagai ahli dilindungi, mengalami hilang upaya atas sebab kecederaan atau penyakit, pampasan daripada manfaat ini boleh membantu mengurangkan bebanan kewangan.

HILANG UPAYA SEPARA DAN KEKAL

Pampasan mengikut skala indemniti seperti yang dinyatakan di bawah jadual manfaat di dalam sijil takaful akan dibayar sekiranya seseorang kakitangan itu, sebagai ahli dilindungi, mengalami hilang upaya separa yang kekal atas sebab penyakit atau kemalangan.

PENYAKIT TERMINAL

Manfaat ini akan dibayar sekiranya seseorang kakitangan itu, sebagai ahli dilindungi, meninggal dunia di dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas dia didiagnos dengan penyakit terminal.

PERBELANJAAN PENGHANTARAN PULANG JENAZAH

Melindungi kos perbelanjaan penghantaran pulang jenazah ke negara asal sekiranya seseorang kakitangan itu, sebagai ahli dilindungi, meninggal dunia semasa berada di luar Malaysia.

Manfaat Takaful Bertempoh Kumpulan Opsyenal

PENYAKIT KRITIKAL

Menghidapi penyakit yang serius boleh membawa kepada bebanan kewangan. Apabila didiagnos dengan penyakit kritikal, kakitangan anda, sebagai ahli dilindungi, akan menerima pampasan yang boleh membantu meringankan sebahagian daripada bebanan kewangan itu.

- Manfaat Penyakit Kritikal Tidak Dipercepatkan
- Manfaat Penyakit Kritikal Dipercepatkan


Manfaat Opsyenal

AIA VITALITY KORPORAT

AIA Vitality adalah suatu program kesihatan berasaskan sains yang memberi ganjaran kepada kakitangan anda yang membuat pilihan sihat. Program ini memperkasakan mereka dengan ilmu, alatan dan dorongan untuk mencapai matlamat kesihatan mereka. Dengan menggunakan kajian terkini berkenaan ekonomi dan insentif tingkah laku, pelan ini dirangka untuk menggalakkan perubahan tingkah laku jangka masa panjang di dalam kesihatan. Sesebuah organisasi boleh memanfaatkan platform AIA Vitality untuk meningkatkan penjagaan kesihatan dan penglibatan kakitangan.

Tertakluk kepada terma & syarat

CONTOH KES



Jadual Manfaat

Rawatan Penghospitalan & Pembedahan - Asas	
Had Keseluruhan (Setiap Tahun Sijil)	RM20,000 sehingga RM400,000 (di dalam gandaan RM20,000)
Pilihan Penjimatan Kos	Deduktibel (Terpakai untuk perkara 1.1 hingga 1.6) 1. Deduktibel sifar 2. RM300 bagi setiap hilang upaya 3. RM500 bagi setiap hilang upaya 4. RM1,000 bagi setiap hilang upaya Ko-Takaful (Terpakai bagi perkara 1.1 hingga 1.6, 2.1 hingga 2.2, 2.4 dan 2.7) 1. 10% bagi setiap hilang upaya 2. 20% bagi setiap hilang upaya
1. Rawatan Dalam Hospital	
1.1 Bilik dan Penginapan Hospital	
i) Bilik Biasa (sehingga maksimum 180 hari bagi setiap hilang upaya)	RM80 sehingga RM600 (di dalam gandaan RM10)
ii) Unit Rawatan Rapi (sehingga maksimum 30 hari bagi setiap hilang upaya)	Seperti yang dicaj
1.2 Bekalan dan Perkhidmatan Hospital	
1.3 Yuran Pembedahan	
1.4 Yuran Pakar Bius	
1.5 Caj Bilik Pembedahan	Seperti yang dicaj
1.6 Kunjungan Doktor Dalam Hospital (sehingga maksimum 180 hari bagi setiap hilang upaya)	
1.7 Elaun Tunai Harian Hospital Kerajaan Malaysia (sehingga maksimum 180 hari bagi setiap hilang upaya)	RM200

2. Rawatan Ambulatori	
2.1 Perkhidmatan Pra Pembedahan/Diagnostik Perubatan (di dalam tempoh 180 hari)	Seperti yang dicaj
2.2 Konsultasi Pra Pembedahan/Pakar Perubatan (di dalam masa 180 hari)	
2.3 Pandangan Kedua Tentang Pembedahan	
2.4 Rawatan Selepas Keluar Hospital (sehingga maksimum 180 hari selepas discaj daripada hospital)	
2.5 Rawatan Kemalangan Pesakit Luar Kecemasan (di dalam masa 24 jam sehingga maksimum 180 hari)	
2.6 Rawatan Pergigian Akibat Kemalangan (di dalam masa 24 jam sehingga maksimum 180 hari)	
2.7 Prosedur Rawatan Balik Hari (Pembedahan/Perubatan)	
2.8 Yuran Ambulans	
2.9 Rawatan Pesakit Luar Kecemasan (maksimum bagi setiap hilang upaya dari 10.00 malam hingga 8.00 pagi)	RM100
2.10 Pembayaran Balik Yuran Laporan Perubatan	RM80
2.11 Terapi Pemulihan, Kemoterapi, Terapi Radiasi, Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	Seperti yang dicaj
3. Khairat Kematian (Semua Punca)	RM10,000

Nota:

1. Had Keseluruhan – Manfaat maksimum yang boleh dibayar di dalam tahun sijil tanpa mengira bilangan hilang upaya.

2. Bagi setiap hilang upaya – Sebarang sakit, penyakit, atau kecederaan, termasuk semua komplikasi dan keadaan berkaitan yang berpunca daripada sebab yang sama. Sebarang kemasukan semula ke dalam hospital akibat daripada sebab yang sama selepas 14 hari dari tarikh discaj yang terkini akan dianggap sebagai hilang upaya yang baharu.

3. Sila rujuk kepada kontrak sijil takaful untuk penerangan terperinci mengenai manfaat-manfaat.

Jadual Manfaat

GP & Pakar secara Pesakit Luar - Opsyenal	
Had Perlindungan	Had berasingan atau had GP & pakar gabungan
1. Rawatan Pengamal Perubatan Am (GP) secara Pesakit Luar	
1.1 Had Keseluruhan (Bagi Setiap Tahun Sijil)	RM1,500 sehingga RM5,000 (di dalam gandaan RM500) atau tanpa had
1.2 Pilihan Penjimatan Kos	Deduktibel 1. Deduktibel sifar 2. RM5 bagi setiap kunjungan 3. RM10 bagi setiap kunjungan 4. RM30 bagi setiap kunjungan 5. RM50 bagi setiap kunjungan
1.3 Kunjungan ke Klinik GP	Tanpa tunai (klinik panel atau klinik panel & bukan panel)
1.4 Kunjungan ke Klinik GP Bukan Panel akibat Kecemasan	Seperti yang dicaj
1.5 Pap Smear Di Klinik GP Panel Sahaja (maksimum satu kali bagi setiap tahun sijil)	
1.6 Perlindungan Luar Negara	Atas dasar pembayaran balik RM40 bagi setiap kunjungan
2. Rawatan Pakar secara Pesakit Luar	
2.1 Had Keseluruhan (Bagi Setiap Tahun Sijil)	RM1,000 sehingga RM5,000 (di dalam gandaan RM500) atau tanpa had
2.2 Pilihan Penjimatan Kos	Deduktibel 1. Deduktibel sifar 2. RM15 bagi setiap kunjungan 3. RM30 bagi setiap kunjungan 4. RM50 bagi setiap kunjungan 5. RM100 bagi setiap kunjungan
2.3 Kunjungan ke Pakar	(Tanpa Tunai/Atas Dasar Pembayaran Balik/ Rujukan/Kunjungan Terus/Pakar Pediatrik Terus)
2.4 Perkhidmatan Diagnostik secara Pesakit Luar	
2.5 Perlindungan Luar Negara	Atas dasar pembayaran balik RM150 bagi setiap kunjungan

- Notes:
- 1. Tanpa tunai tidak terpakai untuk klinik bukan panel.
 - 2. Had minimum untuk Tanpa Tunai/Kunjungan Terus/Pakar Pediatrik Terus adalah RM2,000.

Group MedCare - Pengurusan Kes Perubatan Peribadi - Opsyenal
Suatu manfaat tambah nilai yang menyediakan perkhidmatan pengurusan kes perubatan peribadi yang memastikan ahli dilindungi menerima rawatan yang terbaik dan sokongan berterusan yang disesuaikan mengikut individu sepanjang perjalanan perubatan setelah didiagnos dengan keadaan perubatan yang serius. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada brosur Group MedCare.

Pergigian - Opsyenal	
Had Keseluruhan (Bagi Setiap Tahun Sijil)	RM200 sehingga RM500 (di dalam gandaan RM100)
Dasar Tuntutan	Atas dasar pembayaran balik sahaja
1. Comprehensive Dental Benefits	
1.1 Rawatan kecemasan untuk sakit gigi	Seperti yang dicaj
1.2 Pemeriksaan mulut dan diagnostik	
1.3 Pembersihan, penskalaan (scaling) dan penggilapan gigi	
1.4 X-ray pergigian	
1.5 Cabutan gigi termasuk anestesia	
1.6 Tampalan gigi	
1.7 Ubat-ubatan	
1.8 Konsultasi pergigian	
1.9 Rawatan saluran akar gigi (root canal)	
1.10 Pemasangan awal atau penggantian gigi palsu separa atau penuh akibat kecederaan yang dialami di dalam kemalangan	

Takaful Bertempoh Kumpulan - Asas	
Pilihan Jumlah Dilindungi Asas	Pilihan (A): Jumlah Dilindungi Tetap
	500,000 450,000 400,000 350,000 300,000 250,000 200,000 150,000 100,000 50,000 20,000
	Pilihan (B): Gaji Pokok Bulanan (MBS)
	60xMBS 48xMBS 42xMBS 36xMBS 30xMBS 24xMBS 18xMBS 12xMBS 6xMBS
1. Kematian (semua punca**)	100% daripada jumlah dilindungi asas
2. Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) (semua punca**)	100% daripada jumlah dilindungi asas
3. Hilang Upaya Separada dan Kekal (PPD) (semua punca** - mengikut Skala Indemniti)	100% daripada jumlah dilindungi asas
4. Faedah Penghantaran Balik Jenazah	Perbelanjaan sebenar yang ditanggung untuk perkhidmatan penghantaran balik jenazah atau sehingga maksimum RM100,000, yang mana lebih rendah
5. Penyakit Terminal	100% daripada jumlah dilindungi asas atau sehingga amaun maksimum RM100,000, yang mana lebih rendah

**Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat bagi kontrak sijil takaful.

- Nota:
- 1. Jumlah dilindungi asas adalah tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM4.0 juta.
 - 2. Had Tanpa Bukti (NEL) hanya terpakai untuk jumlah tenaga kerja seramai 11-250 orang kakitangan.
 - 3. Pengecualian: TPD/PPD: 5-250 orang kakitangan tertakluk kepada syarat keadaan sedia ada 12 bulan.

Peratusan Amaun Perlindungan

Skala Indemniti bagi Hilang Upaya Separa dan Kekal	Peratusan Amaun Perlindungan
1. Kehilangan Menyeluruh Kekal penglihatan kedua-dua belah mata	100%
2. Kehilangan Menyeluruh Kekal penglihatan sebelah mata	100%
3. Kehilangan atau Hilang Penggunaan Menyeluruh Kekal dua anggota	100%
4. Kehilangan atau Hilang Penggunaan Menyeluruh Kekal satu anggota	100%
5. Hilang upaya bertutur dan mendengar	100%
6. Tidak siuman secara kekal dan tidak boleh sembuh	100%
7. Lumpuh semua anggota secara kekal dan tidak boleh sembuh	100%
8. Kehilangan Menyeluruh Kekal pendengaran pada (a) kedua-dua telinga (b) sebelah telinga	75% 25%
9. Hilang upaya bertutur	50%
10. Kehilangan Menyeluruh Kekal kanta sebelah mata	50%
11. Kehilangan atau Hilang Penggunaan Menyeluruh Kekal empat jari dan ibu jari (a) tangan kanan (b) tangan kiri	70% 50%
12. Kehilangan atau Hilang Penggunaan Menyeluruh Kekal empat jari (a) tangan kanan (b) tangan kiri	40% 30%
13. Kehilangan atau Hilang Penggunaan Menyeluruh Kekal satu ibu jari (a) kedua-dua ruas kanan (b) satu ruas kanan (c) kedua-dua ruas kiri (d) satu ruas kiri	30% 15% 20% 10%
14. Kehilangan atau Hilang Penggunaan Menyeluruh Kekal jari tangan (a) tiga ruas kanan (b) dua ruas kanan (c) satu ruas kanan (d) tiga ruas kiri (e) dua ruas kiri (f) satu ruas kiri	10% 7.5% 5% 7.5% 5% 2%
15. Kehilangan atau Hilang Penggunaan Menyeluruh Kekal jari kaki (a) semua – kedua-dua kaki (b) ibu jari – kedua-dua ruas (c) ibu jari – satu ruas (d) selain daripada ibu jari, setiap jari	15% 5% 3% 1%
16. Patah kaki atau patela yang tidak boleh bercantum	10%
17. Pemendekan kaki sekurang-kurangnya 5 sm	7.5%

Nota:
1.Sekiranya ahli dilindungi adalah kidal, peratusan yang terpakai untuk tangan kanan akan terpakai juga untuk tangan kiri dan sebaliknya.

Takaful Bertempoh Kumpulan: Penyakit Kritikal - Opsyenal	Jumlah Dilindungi
Pilihan (A): Penyakit Kritikal Tidak Dipercepatkan ¹	Bayaran sebanyak 25% / 50% / 75% / 100% daripada jumlah dilindungi asas secara sekali gus apabila didiagnos dengan penyakit kritikal
Pilihan (B): Penyakit Kritikal Dipercepatkan ²	
Penyakit Kritikal yang Dilindungi	
1. Kegagalan Buah Pinggang 2. Serangan Jantung 3. Strok 4. Kanser 5. Sklerosis Berbilang 6. Hipertensi Arteri Plumonari Utama 7. Hepatitis Virus Fulminan 8. Buta 9. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari 10. Pemindahan Organ Utama / Sumsum Tulang 11. Pembedahan Injap Jantung 12. Pembedahan Aorta 13. Luka Terbakar/Kelecuran Tahap Ketiga 14. Distrofi Otot 15. Jangkitan HIV Disebabkan Transfusi Darah 16. Koma 17. Pekak 18. Penyakit Paru-Paru Peringkat Akhir 19. Tumor Otak Benigna 20. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk 21. Penyakit Terminal	22. Penyakit Parkinson 23. Penyakit Neuron Motor 24. Anemia Aplastik Kronik 25. Hilang Upaya Bertutur 26. Kegagalan Hati Peringkat Akhir 27. Ensefalitis 28. Meningitis Bakteria 29. Pembedahan Otak 30. Angioplasti Dan Rawatan Invasif Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari 31. Penyakit Arteri Koronari Serius 32. Kardiomiopati 33. Hilang Upaya Berdikari 34. Lumpuh Anggota 35. Trauma Kepala Serius 36. Penyakit Sistik Medulari 37. Aids Gejala Penuh 38. Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Disebabkan Pekerjaan 39. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Teruk

¹ Suatu jumlah sekali gus yang tidak melebihi peratusan yang dipilih akan dibayar apabila didiagnos dengan mana-mana penyakit kritikal yang dilindungi dan amaun penuh jumlah dilindungi asas akan dibayar apabila berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal, tertakluk kepada amaun maksimum sebanyak RM500,000.
² Suatu jumlah sekali gus yang tidak melebihi peratusan yang dipilih akan dibayar apabila didiagnos dengan mana-mana penyakit kritikal yang dilindungi dan baki peratusan jumlah dilindungi asas yang selebihnya akan dibayar apabila berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal, tertakluk kepada amaun maksimum sebanyak RM500,000.

Contoh:
Sekiranya jumlah dilindungi asas adalah RM100,000 dan peratusan yang telah dipilih untuk manfaat penyakit kritikal adalah 25%.

Jenis Manfaat	Amaun yang Dibayar Apabila Didiagnos Penyakit Kritikal	Amaun yang Dibayar Apabila Berlaku Kematian atau TPD
Penyakit Kritikal Tidak Dipercepatkan	RM25,000	RM100,000
Penyakit Kritikal Dipercepatkan	RM25,000	RM75,000

AIA Vitality Korporat - Opsyenal (Perubatan atau Takaful Bertempoh Kumpulan)
Hanya satu (1) keahlian sahaja yang dibenarkan bagi setiap kakitangan. Sekiranya seseorang kakitangan itu adalah ahli AIA Vitality sedia ada, keahlian kakitangan tersebut akan ditanggung oleh majikan. Tahun keahlian kakitangan tersebut atau sebarang Mata AIA Vitality yang terkumpul tidak akan terkesan. Sila rujuk brosur AIA Vitality untuk maklumat lanjut.

Nota:
1. Semua amaun yang dipaparkan di dalam Jadual Manfaat di atas adalah di dalam Ringgit Malaysia (RM) melainkan dinyatakan sebaliknya.
2. Kami hanya akan membayar balik caj-caj yang wajar dan munasabah ke atas perbelanjaan yang layak.
3. Maklumat di atas adalah tidak menyeluruh. Anda digalakkan untuk meminta salinan helaian pendedahan produk untuk mengetahui lebih lanjut mengenai produk ini. Untuk penjelasan terperinci berkenaan manfaat, pengecualian, terma dan syarat, sila rujuk kepada kontrak sijil takaful.

Manfaat Perubatan (Rawatan Penghospitalan & Pesakit Luar)

Pengecualian

Tiada manfaat akan dibayar bagi apa-apa perkhidmatan, produk, keadaan atau kecederaan yang berkaitan dengan:

1. Pembedahan atau rawatan plastik/kosmetik termasuk, tetapi tidak hanya terhad kepada, mata berganda, akne (jerawat batu), keloid, parut, kutil kulit, ginekomastia, alopesia tersebar/keguguran rambut atau rawatan bagi komplikasi-komplikasi yang berkaitan.
2. Rawatan dan penjagaan yang bersifat eksperimen, penyiasatan atau perkhidmatan yang tidak terbukti dan tidak menurut piawaian profesional yang diterima dan/atau tidak perlu dari segi perubatan. Pengecualian ini termasuk, tetapi tidak hanya terhad kepada, rawatan-rawatan seperti:
 - Rawatan sel tunjang, rawatan berkaitan dan sebarang komplikasi yang muncul selepas itu,
 - Jaminan darah,
 - Terapi hormon dan terapi penggantian hormon kecuali menopause yang didorong oleh pembedahan.
 - Rawatan pembedahan yang khusus untuk mengurangkan atau menambah berat badan.
3. Rawatan untuk kecederaan yang dialami semasa melakukan jenayah atau feloni, atau semasa berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau bahan yang menjejaskan pertimbangan, atau akibat daripada percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan ke atas diri sendiri dengan sengaja, sama ada semasa siuman atau tidak siuman.
4. Sebarang rawatan, perkhidmatan dan bekalan untuk program berhenti merokok dan rawatan untuk atau yang berpunca daripada penyalahgunaan bahan seperti alkohol dan narkotik.
5. Khidmat jururawat peribadi, khidmat penjagaan di dalam apa-apa persekitaran atau melalui kunjungan ke rumah yang diambil oleh ahli dilindungi, atau perkhidmatan untuk rawatan rehat yang disediakan oleh pusat rawatan/rumah penjagaan yang semata-mata adalah untuk tujuan pemulihan.
6. Kaedah pencegahan kehamilan secara mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan dengan ketidaksuburan. Disfungsi seksual dan ujian atau rawatan berkaitan dengan mati pucuk atau pemandulan.
7. Penyiasatan dan rawatan yang berkaitan dengan kehamilan termasuk melahirkan anak, Kehamilan Ektopik dan Tahi Lalat Vesikel dan semua komplikasi yang berpunca daripadanya. Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak terpakai bagi sebarang keguguran di bawah 28 minggu atas sebab kemalangan di bawah sijil takaful tetapi adalah tertakluk kepada had-had bagi perlindungan sedemikian.
8. Pembedahan penukaran jantina dan terapi hormon seks yang berkaitan dengan pembedahan sedemikian.
9. Berkhatan melainkan perlu dari segi perubatan untuk merawat penyakit.
10. Keadaan yang berkaitan dengan penyakit kelamin, AIDS dan kerumitan berkaitan AIDS dan susulannya, dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin di bawah undang-undang.
11. Terapi alternatif seperti, tetapi tidak hanya terhad kepada, akupunktur, akutekanan, kiropraktor, refleksologi, penetapan tulang, urut, aromaterapi, herba, podiatri, konsultasi dan rawatan diet, perkhidmatan/terapi pendidikan & ubat sampingan tradisional.
12. Vitamin/Suplemen, rawatan herba, agen antiobesiti/pengurangan berat, pelumas mata dan sebarang pembelian suplemen dan ubat-ubatan tanpa preskripsi atau pembelian bekalan ubatan yang dipreskripsikan atau yang tidak dipreskripsikan.
13. Sabun, syampu, pembersih, krim vitamin, minyak vitamin, pelembap, pelumas, antipenuaan, rawatan pencerahan dan sebarang produk-produk lain dengan kesan yang serupa.
14. Gangguan psikotik, mental atau saraf dan masalah tingkah laku termasuk sebarang neurosis dan petanda fisiologi atau psikosomatiknya.
15. Sebarang rawatan atau penilaian bagi penyakit kongenital (sejak lahir), keturunan atau tumbesaran, kecacatan dan sebarang hilang upaya atau komplikasi yang berpunca daripadanya termasuk, tetapi tidak hanya terhad kepada, sista dermoid, hernia/hidrosel kanak-kanak (semua hernia sehingga usia enam tahun adalah tidak dilindungi), kaki tombol, Kecacatan Septum Ventrikel (VSD), Kecacatan Septum Atrium (ASD), Talasemia, Juling dan Hemangioma.
16. Penyakit atau hilang upaya pada anak baru lahir yang dialami sebelum atau semasa dilahirkan atau di dalam masa 14 hari pertama selepas itu.
17. Ujian alahan – darah/topikal termasuk ujian tompok.

18. Penghospitalan yang tujuan utamanya adalah untuk tujuan penyiasatan, pemeriksaan fizikal rutin, pemeriksaan kesihatan, rawatan pencegahan dan ujian diagnostik yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis bagi hilang upaya yang dilindungi.
19. Terapi pertuturan dan pekerjaan apabila bukan sebahagian daripada program pemulihan selepas penghospitalan akibat trauma, melainkan ianya sebagai rawatan susulan kepada hilang upaya sebagai pesakit dalam dan adalah tertakluk kepada had-hadnya.
20. Sebarang rawatan pembetulan bagi kesilapan refraksi termasuk, tetapi tidak hanya terhad kepada, Ortopik, Rangsangan Visual, Keratotomi Radial, Lasik, Intralase, Xioptik, implan IOL fasik atau pembedahan penggantian kanta intraokular.
21. Semua kaca mata atau kanta lekap pembetulan, kecuali kanta intraokular monofokal dalam pembedahan katarak.
22. Keadaan berkaitan pergigian termasuk:
 - i) Penjagaan/rawatan pergigian atau pembedahan oral melainkan yang diperlukan atas sebab kecederaan akibat kemalangan. Walau bagaimanapun, ini tidak termasuk penggantian gigi asli, pemasangan gigi palsu dan perkhidmatan prostetik seperti jambatan & korona atau penggantian bagi kes kecederaan akibat kemalangan.
 - ii) Pembedahan tulang rahang atas dan bawah kecuali bagi rawatan langsung untuk kecederaan akut traumatik dan kanser.
 - iii) Pembedahan rahang, penjajaran rahang, atau rawatan bagi sendi temporomandibular. Melainkan ahli dilindungi mempunyai perlindungan manfaat pergigian, tertakluk kepada had-hadnya.
23. Penggunaan atau pembelian semua jenis peranti (seperti anggota palsu, alat bantuan pendengaran, kebuk udara dan alat penebula, tekanan saluran udara positif berterusan (CPAP), dialisis peritoneum bergerak berterusan (CAPD), pad ortopedik) dan caj sewa untuk peranti-peranti sedemikian kecuali semasa kemasukan hospital di bawah sijil takaful tetapi tertakluk kepada had bagi perlindungan tersebut.
24. Kesan daripada radiasi atau pencemaran menerusi radioaktiviti daripada mana-mana sumber.
25. Peperangan, rusuhan, pemberontakan, kebangkitan, kekacauan awam, letupan senjata perang, aktiviti berkaitan keganasan, perkhidmatan aktif dalam angkatan tentera, penyertaan langsung dalam mogok, perang nuklear, perang/aktiviti biologi dan kimia.
26. Perkhidmatan bukan berbentuk perubatan yang disediakan oleh hospital seperti televisyen, telefon, faks, radio atau kemudahan serupa. Kit/pek pendaftaran dan barangan bukan perubatan lain yang tidak layak (kecuali yuran pendaftaran yang ditanggung semasa dimasukkan ke hospital sahaja). Caj untuk perkhidmatan ini mesti dibayar oleh ahli dilindungi sebelum keluar dari hospital atau pusat rawatan balik hari kecuali dinyatakan sebaliknya.
27. Terapi fizikal atau fisioterapi pesakit luar tidak dilindungi dan tidak boleh dirujuk di peringkat GP. Perkhidmatan ini hanya akan dilindungi apabila dirujuk oleh pakar dan rawatan mesti diberikan oleh ahli fisioterapi berdaftar. Ahli dilindungi mesti mempunyai perlindungan sijil asas, tertakluk kepada hadnya.
28. Terapi rehabilitasi pesakit luar, kemoterapi, terapi radiasi, imunoterapi, terapi fotodinamik, dialisis buah pinggang dan protokol rawatan lain yang perlu dari segi perubatan, melainkan ahli dilindungi mempunyai perlindungan sijil asas, tertakluk kepada had manfaat yang berkenaan.
29. Pemvaksinan pencegahan kecuali yang dinyatakan di bawah garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diguna pakai untuk kanak-kanak yang layak sahaja (tertakluk kepada had manfaat pesakit luar, jika ada).
30. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ badan oleh ahli dilindungi dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya.
31. Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan berdengkur.
32. Perbelanjaan yang ditanggung bagi kanta lekap, penggunaan prosedur kosmetik topikal/oral/pembedahan dan sebarang komplikasi yang berpunca daripadanya.

Manfaat Perubatan (Rawatan Penghospitalan & Pesakit Luar)

Had

1. Tiada manfaat akan dibayar bagi mana-mana tempoh kemasukan hospital melainkan seluruh kemasukan dan semua perkhidmatan khas hospital yang diberikan dan pembedahan yang dilakukan, jika ada, telah disyorkan dan diluluskan oleh pengamal perubatan berkelayakan yang sah.
2. Tiada manfaat akan dibayar sekiranya tuntutan penginapan hospital yang dibuat tidak berkaitan dengan diagnosis dan rawatan bagi keadaan di mana kemasukan hospital diperlukan oleh pengamal perubatan yang merawat.
3. Tiada manfaat perlu dibayar bagi caj, yuran atau perbelanjaan yang tidak dinyatakan di dalam keterangan manfaat kontrak sijil takaful.

Syarat-Syarat Khas

Syarat-syarat berikut akan dikenakan ke atas semua ahli dilindungi dan tanggungan mereka, jika ada:

- a) Tempoh Menunggu
Kelayakan bagi manfaat bermula tiga puluh (30) hari selepas ahli dilindungi telah dimasukkan ke dalam sijil takaful kecuali bagi kemalangan dilindungi yang berlaku selepas tarikh perlindungan ahli dilindungi mula berkuatkuasa.
- b) Penyakit Tertentu
Tiada manfaat akan dibayar bagi penghospitalan, pembedahan dan/atau caj yang ditanggung yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh penyakit tertentu dan komplikasi-komplikasi yang berkaitan dengannya. "Penyakit tertentu" adalah merujuk kepada hilang upaya berikut dan komplikasi-komplikasi yang berkaitan dengannya, yang berlaku di dalam masa satu ratus dua puluh (120) hari selepas tarikh perlindungan ahli dilindungi mula berkuatkuasa:
 - i) Hipertensi, diabetes melitus dan penyakit kardiovaskular
 - ii) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu sistem kencing dan sistem hempedu
 - iii) Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak
 - iv) Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele
 - v) Endometriosis termasuk penyakit sistem reproduktif
 - vi) Gangguan vertebrospina (termasuk cakera) dan masalah lutut

Manfaat Perubatan (Rawatan Pergigian)

Pengecualian

1. Prosedur-prosedur pergigian yang tidak dinyatakan di dalam jadual manfaat.
2. Caj-caj bagi rawatan-rawatan yang dilakukan oleh selain daripada doktor gigi bertauliah yang sah.
3. Caj-caj bagi gigi palsu apabila caj-caj tersebut dikenakan bagi menggantikan gigi yang telah hilang sejak lahir atau semua gigi yang hilang semasa individu tersebut belum lagi dilindungi di bawah pelan.
4. Caj-caj bagi perkhidmatan dan bekalan yang sebahagiannya atau sepenuhnya bersifat kosmetik, termasuk caj-caj bagi penyesuaian atau perincian gigi palsu mengikut kehendak sendiri.

Takaful Bertempoh Kumpulan

Pengecualian

Manfaat Kematian

Tiada manfaat akan dibayar sekiranya ahli dilindungi, sama ada di dalam keadaan siuman atau tidak siuman, membunuh diri di dalam masa enam (6) bulan dari tarikh perlindungan ahli dilindungi mula berkuatkuasa.

Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (Semua punca)

Hilang Upaya Sebahagian dan Kekal (Punca semula jadi)

Hilang Upaya Sebahagian dan Kekal (Punca kemalangan)

Manfaat di bawah klausa ini tidak akan dibayar untuk perkara-perkara berikut:

- a) Bunuh diri, kecederaan disengajakan atau sebarang percubaan melakukannya, sama ada semasa siuman atau tidak siuman;
- b) Peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak, revolusi atau operasi mirip peperangan;
- c) Perlanggaran atau percubaan melanggar undang-undang atau menentang tangkapan;
- d) Memasuki, mengendalikan atau menservis, berada di dalam atau di atas, menaiki atau menuruni sebarang alat atau pengangkutan udara, kecuali semasa ahli dilindungi berada dalam pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersial dalam perjalanan penumpang terjadual biasa, menggunakan laluan penumpang biasa; dan
- e) Keadaan sedia ada di mana ahli dilindungi menerima rawatan perubatan, diagnosis, konsultasi atau ubat preskripsi di dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh perlindungan ahli dilindungi mula berkuatkuasa dan hilang upaya tersebut bermula di dalam tempoh dua belas (12) bulan pertama selepas tarikh perlindungan ahli dilindungi mula berkuatkuasa.

Manfaat Penghantaran Pulang Jenazah

Tiada manfaat akan dibayar bagi:

- a) Sebarang perbelanjaan yang ditanggung bagi perkhidmatan dan bekalan yang disediakan oleh pengurus mayat atau pengendali jenazah termasuk, tetapi tidak hanya terhad kepada, kos keranda, pengawetan dan/atau pembakaran.
- b) Sebarang perbelanjaan bagi pengangkutan jenazah ahli dilindungi yang tidak diluluskan atau diatur oleh AIAS, atau wakil sah AIAS.

Penyakit Kritikal

Tiada manfaat akan dibayar kepada ahli dilindungi sekiranya, pada pandangan kami, penyakit kritikal adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau sebarang Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).

Penyakit Terminal

Tiada manfaat akan dibayar kepada ahli dilindungi sekiranya, pada pandangan kami, penyakit terminal adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya oleh mana-mana yang berikut:

- a) percubaan membunuh diri sama ada semasa di dalam keadaan siuman atau tidak siuman dan sama ada bersifat jenayah atau tidak, kecederaan badan yang disengajakan, tingkah laku ahli dilindungi yang mengganggu ketenteraman, atau sekiranya ahli dilindungi sengaja mendedahkan diri kepada bahaya, atau
- b) Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), atau
- c) ahli dilindungi terlibat dalam aktiviti memburu, mendaki gunung, penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang menaiki penerbangan komersial), perkhidmatan tentera laut, darat atau aeronautik, atau perlumbaan (selain daripada yang menggunakan kaki), atau
- d) peperangan, rusuhan, pemberontakan, kebangkitan, kekacauan awam, letupan senjata perang, perang nuklear, peperangan/ aktiviti biologi dan kimia, atau
- e) radiasi atau pencemaran menerusi radioaktiviti daripada sebarang sumber; atau
- f) berada di bawah pengaruh dadah, narkotik atau alkohol.

Takaful Bertempoh Kumpulan

Syarat-syarat Khas

Penyakit Kritikal

- Hanya satu pembayaran sahaja yang akan dibuat bagi mana-mana manfaat penyakit kritikal. Tiada pembayaran kedua akan dibuat sekiranya penyakit kritikal yang sama muncul semula atau apabila terdapat diagnosis bagi penyakit kritikal yang berlainan.
- Tiada manfaat akan dibayar kepada ahli dilindungi yang, pada bila-bila masa sebelum tarikh perlindungan ahli dilindungi mula berkuatkuasa, telah menghidap penyakit kritikal atau telah mendapatkan nasihat perubatan bagi tanda-tanda dan simptom-simptom yang telah wujud dan berkaitan dengan diagnosis penyakit kritikal yang dilindungi.
- Tempoh menunggu selama tiga puluh dari tarikh perlindungan ahli dilindungi mula berkuatkuasa kecuali bagi yang berikut yang akan tertakluk kepada tempoh menunggu selama enam puluh (60) hari. Tiada manfaat akan dibayar sekiranya ahli dilindungi didiagnos dengan mana-mana penyakit kritikal yang dilindungi di dalam tempoh ini:
 - i) Kanser
 - ii) Serangan Jantung
 - iii) Penyakit Arteri Koronari Serius
 - iv) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari

Penyakit Terminal

- a) Hanya satu pembayaran sahaja yang akan dibuat. Tiada pembayaran kedua akan dibuat sekiranya penyakit terminal yang sama muncul semula atau apabila terdapat diagnosis bagi penyakit terminal yang berlainan.
- b) Apabila pembayaran untuk penyakit terminal telah diluluskan, perlindungan bagi ahli dilindungi di bawah sijil takaful akan bertukar kepada tidak boleh diperbaharui.

Tiada manfaat akan dibayar kepada ahli dilindungi yang, pada bila-bila masa sebelum tarikh perlindungan ahli dilindungi mula berkuatkuasa, telah menghidap penyakit terminal atau telah mendapatkan nasihat perubatan bagi tanda-tanda atau simptom-simptom yang telah wujud dan berkaitan dengan diagnosis penyakit terminal.

Tempoh menunggu selama sembilan puluh dari tarikh perlindungan ahli dilindungi mula berkuatkuasa akan terpakai. Tiada perlindungan takaful akan terpakai dan sebarang caruman yang telah dibayar, jika ada, akan dipulangkan semula tanpa keuntungan bagi peristiwa-peristiwa yang berikut:

- a) Ahli dilindungi didiagnos dengan penyakit terminal di dalam tempoh menunggu ini; dan/atau
- b) Ahli dilindungi telah mendapatkan nasihat perubatan bagi tanda-tanda atau simptom-simptom yang telah wujud dan berkaitan dengan diagnosis penyakit terminal di dalam tempoh menunggu ini.

Walau bagaimanapun, tempoh menunggu tidak akan terpakai sekiranya sijil takaful dikeluarkan sebagai "sijil pengambilalihan".

"Sijil pengambilalihan" bermaksud sijil takaful yang telah kami keluarkan berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang serupa atau hampir serupa dengan sijil takaful/polisi insurans yang sebelum ini dikeluarkan oleh pengendali takaful/syarikat insurans yang lain.

Di dalam kes sijil pengambilalihan, sekiranya ahli dilindungi disahkan menghidap penyakit terminal selepas tarikh perlindungan ahli dilindungi mula berkuatkuasa, manfaat yang akan dibayar adalah manfaat di bawah sijil takaful/polisi insurans yang sebelumnya atau manfaat di bawah sijil takaful ini, yang mana lebih tinggi, dengan syarat kami telah dapatkan amaun perlindungan yang sudah diluluskan dan satu salinan sijil takaful/polisi insurans yang terdahulu.

- Anda hendaklah memastikan bahawa produk ini paling sesuai untuk memenuhi keperluan dan sumber syarikat anda dan anda bersetuju dengan caruman yang perlu dibayar di bawah sijil takaful. Sijil takaful ini akan ditamatkan sekiranya caruman tidak dibayar di dalam tempoh ihsan (60) hari dari tarikh perlu bayar.
- Sila ambil perhatian bahawa semua contoh yang diberikan di dalam brosur ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan amaun sebenar yang akan dibayar mungkin berbeza tertakluk kepada keputusan akhir daripada kami serta terma-terma dan syarat-syarat bagi sijil takaful.
- Anda hendaklah memastikan bahawa maklumat-maklumat penting berkenaan sijil takaful telah didedahkan kepada anda dan anda memahami maklumat-maklumat tersebut. Sekiranya terdapat sebarang keraguan, anda hendaklah mendapatkan penjelasan daripada kami.
- Membuat pertukaran daripada satu sijil takaful/polisi insurans ke sijil takaful/polisi insurans yang lain mungkin tidak akan membawa kelebihan kepada anda memandangkan anda mungkin dikenakan keperluan pengunderaitan yang baharu berkenaan tempoh menunggu, pengecualian bagi penyakit-penyakit tertentu dan keadaan sedia ada di bawah sijil takaful/polisi insurans yang baharu.
- Sila ambil perhatian bahawa bagi sebarang hilang upaya yang berpunca daripada kecederaan semasa bekerja di mana ahli dilindungi telah menerima manfaat di bawah Ordinan Pampasan Pekerja, PERKESO atau sebarang undang-undang yang serupa, kami tidak akan menanggung apa-apa caj melainkan manfaat yang diterima tidak dapat menampung sepenuhnya caj yang ditanggung yang dilindungi di bawah sijil takaful.
- Sila ambil perhatian bahawa sekiranya seseorang ahli dilindungi itu telah menerima perlindungan di bawah insurans/takaful perubatan yang lain atau pelan-pelan kerajaan, kami tidak akan menanggung apa-apa caj melainkan manfaat yang diterima tidak dapat menampung sepenuhnya caj yang ditanggung yang dilindungi di bawah sijil takaful.
- Maklumat yang terkandung di dalam ini adalah tepat pada masa percetakan.
- Maklumat yang terkandung di dalam brosur ini adalah tidak menyeluruh. Anda digalakkan untuk meminta salinan helaian pendedahan produk untuk mengetahui lebih lanjut mengenai produk ini. Untuk penjelasan terperinci berkenaan manfaat, pengecualian, had, terma dan syarat, sila rujuk kepada kontrak sijil takaful.

KLIK SINI 
untuk melihat
Soalan-Soalan Lazim
dan Pendedahan

Tentang AIA PUBLIC

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) dimiliki bersama oleh AIA Bhd. (AIA), Public Bank Berhad (PBB) dan Public Islamic Bank Berhad (anak syarikat milik penuh PBB). Ditubuhkan pada 11 Mac 2011, AIA PUBLIC menggunakan kedudukan AIA dan Kumpulan PBB sebagai peneraju di samping infrastruktur dan rangkaian pengedaran di dalam industri insurans dan perbankan yang kukuh bagi memacu pertumbuhan dan meningkatkan penembusan Takaful Keluarga di dalam pasaran domestik. AIA PUBLIC adalah komited di dalam menawarkan penyelesaian Syariah yang tepat bagi memenuhi keperluan yang berbeza pada setiap peringkat kehidupan pelanggan-pelanggan kami.

Hubungi Kami untuk Maklumat Lanjut / Please Contact Us for More Information

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Perancang Hayat kami.
If you have any enquiries, please contact our Life Planner.



Diunderaitkan oleh / Underwritten by:

AIA PUBLIC Takaful Bhd. 201101007816 (935955-M)
Menara AIA, 99, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur
Care Line: 1300-88-8922
Tel: 03-2056 1111
E-mail: my.customer@aiapublic.com.my

AIA.COM.MY

AIA PUBLIC Takaful Bhd. adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. / AIA PUBLIC Takaful Bhd. is licensed under Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.